

UMS lancar pakej pelancongan, Tahun Melawat UMS April ini

HE 31 Mac 16 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal menjadi universiti pertama di negara ini yang menyediakan pakej Ekopelancongan dan Tahun Melawat UMS 2016/2017 yang akan dilancarkan bulan depan.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata program tersebut merupakan inisiatif Pusat Pengurusan EcoCampus UMS menerusi Pusat Visitor Information Centre (EVIC).

"Pusat EVIC yang terletak di Fakulti Sains dan Sumber Alam itu akan menjadi ruang maklumat tarikan pelancong dan pakej pelancongan yang ditawarkan.

"Antara komponen penting dalam pusat EVIC itu adalah galeri, penerangan pelancongan dan pembelian tiket," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Naib Canselor 2016 di Dewan Canselor UMS, Likas dekat sini, pada Rabu.

Mohd Harun berkata terdapat lima pakej ekopelancongan yang ditawarkan merangkumi pakej harian dan bermalam berdasarkan 'Green Tourism' dan 'Nature Tourism'.

"Ia merupakan pakej lawatan galeri dan muzium, pakej penghayatan alam semulajadi, pakej warisan arkitektual, pakej penghayatan senja dan kem pendidikan alam semula jadi, dengan kadar bayaran yang berpatutan," katanya.

Beliau berkata inisiatif itu dibuat selaras dengan konsep pelancongan dalam kampus dengan menawarkan pakej pelancongan berdasarkan ilmu, yang dilancarkan Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui 'Malaysia 101 Edu-tourism Packages' pada Ogos tahun lepas.

Pada masa sama, Mohd Harun berkata, selaras dengan hasrat universiti untuk mencapai satu daripada elemen utama EcoCampus iaitu melestarikan

pengurusan kitar semula bahan buangan, UMS di bawah penyelarasan Pusat Pengurusan EcoCampus kini sedang membangunkan pusat kitar semula melalui projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat Binapuri Sdn Bhd.

"Pusat kitar semula itu dijangka akan beroperasi Ogos depan dan komponen utamanya adalah pengurusan buangan seperti kertas, botol plastik serta tin, dan ia menitikberatkan implementasi penggunaan teknologi hijau seperti penggunaan sistem tenaga solar dan penuaian air hujan.

"Pusat itu juga akan menempatkan ruang seminar dan bengkel untuk tujuan aktiviti pengembangan kesedaran kelestarian alam sekitar kepada pelajar, kakitangan dan komuniti luar," katanya.

Sementara itu, Mohd Harun berkata bagi merancakkan lagi aktiviti penyelidikan dalam kalangan pelajar pasca-sasiswazah, UMS telah mewujudkan Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah atau dikenali sebagai UMSGreat.

Katanya geran itu diwujudkan bertujuan menyuburkan budaya penyelidikan dalam kalangan pelajar pascasiswazah serta menggalakkan mereka menyiapkan projek penyelidikan mengikut masa yang ditetapkan.

Beliau berkata, selain itu UMS juga telah mewujudkan Geran Kolaborasi Penyelidikan, bagi mempertingkatkan lagi kerjasama penyelidikan dengan institusi luar.

"Sebagai permulaan, peruntukan bagi setiap satu kolaborasi adalah RM200,000 dengan institusi luar negara dan RM70,000 bagi institusi dalam negara.

Oleh itu kita berharap geran khas itu dapat meningkatkan jumlah dan kualiti penyelidikan, sekaligus mempertingkatkan peluang menghasilkan penerbitan berimpak tinggi," katanya. — Bernama